

Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu: Wahana Memartabat Bahasa Melayu di Persada Antarabangsa

Saodah Wok
wsaodah@iium.edu.my

Mazlena Mohamad Hussain
mazlena@iium.edu.my

Universiti Islam Antarabangsa

ABSTRAK

Bahasa Melayu telah termaktub sebagai bahasa kebangsaan dalam Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Malaysia telah melakukan pelbagai usaha dalam memastikan Bahasa Melayu terus kekal relevan sebagai Bahasa Kebangsaan. Antara program yang diadakan untuk terus mengangkat Bahasa Melayu adalah Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM). PABM diadakan buat pertama kalinya pada tahun 2007 dengan objektif untuk memartabatkan Bahasa Melayu di persada antarabangsa. Saban tahun Kementerian Pendidikan melakukan pelbagai penambahbaikan kepada penganjuran program ini untuk memastikan objektif utama program akan terus tercapai. Untuk mengetahui sama ada PABM adalah suatu wahana dalam memartabatkan Bahasa Melayu, suatu kajian empirik telah dilakukan untuk menilai impak dan kepuasan peserta terhadap PABM 2018. Kajian yang menggunakan rekabentuk kuantitatif ini, menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik untuk menilai sejauh mana peserta berpuas hati dengan penganjuran PABM. Peserta juga ditanya tentang impak PABM dalam memartabatkan PABM dalam kalangan peserta dan cadangan penambahbaikan PABM. Hasil kajian menunjukkan rata-rata peserta berpuas hati dengan penganjuran PABM. Kajian juga menunjukkan peserta dapat meningkatkan kepercayaan dan keyakinan mereka untuk menggunakan Bahasa Melayu dengan lebih baik selepas menyertai PABM 2018. Namun peserta juga memberikan beberapa cadangan penambahbaikan agar PABM akan datang dapat dianjurkan dengan lebih baik dan cemerlang. Konklusinya dapatan menunjukkan PABM mampu menjadi wahana memartabat Bahasa Melayu di persada antarabangsa.

Kata kunci: Impak, Kepuasan, Bahasa Melayu, Pidato

PENGENALAN

Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) telah diperkenalkan buat pertama kalinya pada tahun 2007. PABM adalah program tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan dengan objektif utama untuk memartabatkan Bahasa Melayu di persada antarabangsa. Pidato dilihat sebagai satu wahana yang mampu memberi impak kepada masyarakat untuk mempelajari Bahasa Melayu.¹ PABM yang bermula dengan hanya satu kategori sahaja, kini dianjurkan dengan tiga kategori yang berbeza; iaitu kategori antarabangsa, alam Melayu dan pelajar antarabangsa di Malaysia. Peningkatan dari segi jumlah peserta dan kategori ini menunjukkan betapa masyarakat dunia sangat berminat untuk menyertai satu-satunya program pengucapan awam dalam Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa yang terulung di dunia. Malah sesetengah negara seperti Russia, China, Australia dan Jepun telah mula mengadakan pertandingan pidato Bahasa Melayu di negara masing-masing untuk mencari peminato yang terbaik untuk mewakili negara masing-masing ke PABM. Usaha-usaha yang dilakukan oleh pelbagai negara ini secara tidak langsung membuktikan betapa PABM semakin mendapat tempat

dalam kalangan peserta antarabangsa dan sememangnya sebuah pertandingan yang diambil serius oleh negara-negara peserta.

PABM 2018 merupakan program yang sangat signifikan dalam sejarah PABM. Pertama, buat pertama kalinya program ini dianjurkan sepenuhnya oleh sebuah universiti awam, bukan sebuah syarikat pengurus acara seperti tahun-tahun sebelumnya. Kedua, buat pertama kalinya PABM diadakan di luar Lembah Klang apabila Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), Terengganu telah dipilih sebagai tuan rumah. Ketiga, wakil Malaysia ke PABM 2018 telah dipilih melalui pertandingan pidato Piala Menteri Pendidikan yang disertai oleh peminato dari pelbagai universiti awam, universiti swasta, institut pendidikan guru, politeknik serta kolej komuniti. Pencarian yang lebih menyeluruh adalah untuk memastikan wakil Malaysia ke PABM 2018 adalah yang terbaik. Namun demikian PABM 2018 masih mengekalkan format PABM yang terdahulu, di mana ianya masih dipertanding dalam tiga kategori dan peserta-peserta bagi setiap kategori; selain daripada peserta Malaysia, telah disaring lebih awal melalui sesi skype atau sesi saringan di Jabatan Pendidikan Tinggi, Putrajaya untuk memastikan peserta adalah terdiri daripada mereka yang baik tahap penguasaan Bahasa Melayunya.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sepanjang tempoh penganjurannya, telah banyak perubahan dan penambahbaikan dari segi penganjuran dan syarat peraturan yang dilakukan untuk memastikan objektif pertandingan tercapai dan PABM kekal kompetitif dalam kalangan peserta. Namun demikian, persoalan yang senantiasa berlegar dalam kalangan mereka yang terlibat dalam penganjuran pertandingan ini, ialah setakat mana pertandingan ini berjaya mencapai objektifnya dalam memartabat dan mengantarabangsakan Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa. Oleh yang demikian, suatu kajian khusus telah dijalankan untuk mengkaji dan menilai bukan sahaja setakat mana pertandingan ini berjaya mencapai matlamat penganjurannya, tetapi juga setakat mana PABM memberikan kesan kepada masyarakat Malaysia dan antarabangsa. Selain daripada itu, adalah sangat penting untuk kita mengetahui pandangan dan tanggapan peserta PABM terhadap program ini. Hal ini adalah penting kerana pandangan mereka akan membuktikan sama ada objektif PABM tercapai atau tidak.

OBJEKTIF KAJIAN

Untuk menilai sejauh mana PABM menjadi wahana dalam memartabat Bahasa Melayu, objektif utama kajian ini adalah untuk melihat dan menilai pendapat peserta-peserta yang terlibat dalam PABM 2018 dalam beberapa aspek utama PABM: a) Keberkesanan program, b) Impak program terhadap produktiviti individu dan impak terhadap kemahiran individu, c) Peningkatan tugas, dan d) Kesan kepada negara peserta dan terhadap negara Malaysia.

SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pelbagai pemegang taruh yang terlibat dalam PABM iaitu peserta, penganjur dan negara. Daripada perspektif peserta, mereka diharapkan akan lebih berminat dan dapat mempertingkatkan kemahiran masing-masing dalam pengucapan awam dan berpidato dalam Bahasa Melayu. Melalui kajian ini juga, kita akan mengetahui sama ada PABM telah dapat memartabat dan mengangkat Bahasa Melayu sebagai bahasa yang diminati di peringkat antarabangsa. Adalah menjadi harapan Kementerian Pendidikan sebagai penganjur agar para peserta akan dapat menjadi pendorong kepada ahli keluarga serta masyarakat di negara masing-masing untuk turut mempelajari Bahasa Melayu. Kepada penganjur yang telah membelanjakan peruntukan yang

besar setiap tahun dalam menganjurkan PABM, sudah tentu mengharapkan PABM 2018 dapat memberi pulangan yang setimpal dengan pelaburan besar yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia. Adalah menjadi harapan Kementerian agar objektif asal PABM untuk memertabatkan Bahasa Melayu di persada antarabangsa dan di dunia tercapai dengan jayanya. Ini hanya dapat dinilai melalui kajian ini.

Bagi penonton, baik di Malaysia mahupun di luar negara, mereka mungkin akan lebih berminat untuk mempelajari dan memantapkan penguasaan Bahasa Melayu dan mungkin juga mewakili negara masing-masing di masa akan datang setelah menyaksikan PABM. Warga Malaysia juga seharusnya merasa bangga kerana bahasa kebangsaan Malaysia dipelajari dan digunakan oleh orang-orang dari luar negara. Adalah diharapkan PABM akan menjadi pemangkin kepada rakyat Malaysia untuk tidak meminggirkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian penilaian impak PABM 2018 menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif. Reka bentuk kuantitatif menggunakan maklumat atau data yang boleh diukur. Selain daripada itu, instrumen yang diguna pakai dalam kajian kuantitatif adalah borang soal selidik bagi tujuan pengumpulan data. Oleh itu, instrumen bertindak sebagai alat pengukur dan menjadi alat perantaraan antara penyelidik dan responden dalam pengumpulan maklumat dan data. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan kerana PABM 2018 diadakan dalam tempoh yang terhad.

Memandangkan kajian ini adalah khusus untuk menilai impak PABM 2018 kepada peserta, populasi kajian terdiri daripada peserta sahaja. Tidak ada pemilihan sampel. Bagi kumpulan peserta, banci (census) dilaksanakan namun bilangan peserta yang mengisi borang soal selidik adalah kurang daripada sasaran seramai 41 orang. Borang soal selidik diserahkan kepada peserta sewaktu pertandingan akhir berlangsung untuk mengumpulkan data daripada peserta program. Hanya 31 orang peserta yang mengisi borang soal selidik. Instrumen kajian bagi tinjauan tersebut adalah berbentuk borang soal selidik yang merangkumi soalan-soalan yang dapat menjawab objektif-objektif kajian di samping maklumat peserta Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) serta latar belakang mengenai program yang mereka sertai. Selain daripada itu, soalan kaji selidik juga berkisarkan kepada penilaian terhadap kepuasan program, keberkesanan program, impak program, dan akhir sekali cadangan sama ada PABM wajar diteruskan atau tidak, dan sama ada PABM mampu untuk memartabatkan Bahasa Melayu.

KESAHIHAN DAN KESAHAN KAJIAN

Kesahihan pengukur adalah penting supaya ia dapat memberikan data yang melambangkan angkubah yang dikaji. Bagi kajian ini, hanya kesahihan muka dilihat dengan memberikan soalan kepada pakar untuk menilai supaya pernyataan yang dikaji mencerminkan konstruk kajian. Begitu juga bagi keesahan konsep yang dikaji. Semua konstruk yang diukur menggunakan 3 atau lebih item telah diuji keesahannya, sebelum konstruk tersebut dapat digunakan untuk kajian sebenar. Oleh itu, hasil dapatan daripada output alpha Cronbach akan dibandingkan dengan nilai 0.7. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua konstruk adalah diterima pakai dengan alpha Cronbach bernilai antara .739 hingga .925. Selepas itu, barulah konstruk tersebut dibentuk dengan mencari nilai min, iaitu dengan menggabungkan item-item bagi setiap konstruk dan jumlahnya dibahagikan mengikut jumlah pernyataan yang digunakan.

ANALISIS DATA

Setelah maklumat dikumpul, data dianalisis menggunakan Program *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 21. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif meliputi frekuensi, peratus, min, sisihan piawai, dan korelasi. Bagi statistik inferensi pula, ujian t, analisis variansi (ANOVA), dan regresi digunakan bagi melihat perbezaan dan faktor peramal bagi kepuasan, keberkesanan dan impak program Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu. Berdasarkan analisis, dapatan kajian adalah seperti berikut:

MAKUMAT LATAR BELAKANG RESPONDEN

Terdapat 41 orang peserta pada tahun 2019. Namun hanya 31 orang peserta telah menjawab borang soal selidik untuk PABM 2018. Secara kesimpulannya, seramai 17 orang lelaki (54.8%) dan selebihnya (45.2%) adalah perempuan yang terlibat dalam kajian ini. Hampir tiga per empat orang (74.2%) merupakan mereka yang berumur dalam lingkungan 21-30 tahun. Mereka terdiri daripada latar belakang bangsa yang berbeza dan dari negara selain (93.5%) daripada Malaysia (6.5%). Peserta terdiri daripada mereka yang berpendidikan tinggi; lebih separuh daripada mereka (54.8%) mengikuti program ijazah selain daripada yang sedang melanjutkan pelajaran dalam peringkat pasca ijazah (16.1%).

Maklumat tentang penglibatan di dalam Program PABM turut dikaji. PABM dianjurkan sepenuhnya di UNISZA. Kebanyakan daripada mereka (80.6%) mengaku mengetahui tentang PABM melalui pihak universiti masing-masing. Namun ada daripada kalangan mereka yang diberitahu oleh ahli keluarga ataupun rakan-rakan (16.1%). Anehnya tiada siapa daripada mereka mendapati maklumat tentang PABM daripada laman sesawang. Hal ini mungkin dapat diperbaiki sekiranya publisiti dan promosi disiarkan dalam laman sesawang yang dihaskan untuk PABM sahaja. Di sini, pihak universiti memainkan peranan masing-masing yang sewajarnya dengan memilih peserta yang berkelayakan untuk mewakili universiti masing-masing. Hal ini terjadi apabila 71.0% daripada universiti memberikan nama wakil universiti masing-masing. Tidak ketinggalan juga, terdapat mereka yang menghubungi penganjur setelah diberitahu oleh ahli keluarga dan rakan masing-masing (29.0%). Malangnya pihak kedutaan yang terdapat di Malaysia tidak melibatkan diri secara langsung dalam menghubungi mereka yang melanjutkan pelajaran di Malaysia untuk turut terlibat di dalam PABM ini. Pihak kementerian sebenarnya memang telah menghantar surat makluman kepada kedutaan-kedutaan di Malaysia tentang PABM. Mungkin pihak kementerian perlu lebih proaktif dalam membuat tindakan susulan terhadap kedutaan-kedutaan tersebut.

KEPUASAN PESERTA

Dora (2017) mendakwa kepuasan atau ketidakpuasan hati pengguna atau pelanggan sesuatu kemudahan merupakan hasil tindak balas atau turut dikenali sebagai hasil penilaian perasaan mereka terhadap prestasi kemudahan dan perkhidmatan yang diterima.ⁱⁱ Kepuasan peserta diukur dari aspek pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang dikutip melalui PABM. Kepuasan adalah penting setelah melalui pelbagai pengalaman menerusi Program PABM. Majoriti daripada responden sangat berpuashati dengan Program PABM (Jadual 1) dengan peratusan purata sebanyak 88.3% iaitu pada tahap cemerlang. Ini adalah kerana peserta mendapat pelbagai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran setelah mendapat tunjuk ajar daripada mereka yang pakar semasa menjalani Program PABM dengan peratusan antara 84.5% sehingga 91.0%. Mereka mengakui bahawa “Saya dapat berfikir cara baru tentang isu pidato (90.3%) dan “Saya belajar pelbagai perkara daripada peserta yang lain” (91.0%) yang mana mereka menghargai pengalaman bersama-sama dengan peserta-peserta yang lain. Inilah yang menjadi titik kepuasan yang paling tinggi di jiwa mereka. Oleh itu, dari segi kepuasan terhadap

pengetahuan, kemahiran dan kepakaran, peserta amat berpuas hati dengan Program PABM dan menganggap bahawa Program tersebut adalah cemerlang sekali pada keseluruhannya.

Jadual 1 Keuasan peserta terhadap pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang diperolehi melalui PABM

No.	Selepas menghadiri PABM...	Tahap Keuasan (%)					M (SD)	%
		1	2	3	4	5		
1	Saya memperolehi pengetahuan baru tentang pidato.		1 (3.2)	2 (6.5)	10 (32.3)	18 (58.1)	4.452 (0.768)	89.0
2	Saya mempelajari pengetahuan yang berguna tentang pidato.			3 (9.7)	12 (38.7)	16 (51.6)	4.419 (0.672)	88.4
3	Saya dapat berfikir cara baru tentang isu pidato.		1 (3.2)	1 (3.2)	9 (29.0)	20 (64.5)	4.516 (0.851)	90.3
4	Saya boleh menggunakan pengalaman berpidato dalam kerja saya.			4 (12.9)	11 (35.5)	16 (51.6)	4.387 (0.715)	87.7
5	Saya dapat mempelajari pelbagai isu yang diperkatakan semasa berpidato.			3 (9.7)	11 (35.5)	17 (54.8)	4.452 (0.675)	89.0
6	Saya belajar kaedah baru dalam menyampaikan pidato.		1 (3.2)	2 (6.5)	10 (32.3)	18 (58.1)	4.452 (0.768)	89.0
7	Saya memperoleh pendekatan baru untuk berpidato.			3 (9.7)	11 (35.5)	17 (54.8)	4.452 (0.675)	89.0
8	Saya belajar pelbagai perkara daripada peserta yang lain.			3 (9.7)	8 (25.8)	20 (64.5)	4.548 (0.675)	91.0
9	Saya lebih mahir dalam Bahasa Melayu.		3 (9.7)	5 (16.1)	5 (16.1)	18 (58.1)	4.226 (1.055)	84.5
10	Saya lebih mudah untuk berkomunikasi dalam Bahasa Melayu.		1 (3.2)	6 (19.4)	9 (29.0)	15 (48.4)	4.226 (0.884)	84.5
	Keseluruhan Pengetahuan ($\alpha=.861$)						4.413	88.3

Skala: 1=tidak memuaskan (1-20%), 2=perlu penambahbaikan (21-40%), 3=memenuhi jangkaan (41-60%), 4=melebihi jangkaan (61-80%), 5=cemerlang (81-100%)

KEBERKESANAN PROGRAM

Keberkesanan program diukur dari aspek kemahiran individu peserta yang meningkat selepas menyertai PABM. Jadual 2 menunjukkan dapatan bagi keberkesanan PABM dalam memberikan kemahiran terhadap peserta. Boleh dikatakan bahawa PABM adalah berkesan dengan purata peratusan bernilai 88.8%, dan jurang antara yang paling rendah dengan yang paling tinggi adalah dari 84.5% sehingga 93.5%. Item yang paling rendah adalah berkaitan dengan “Saya dapat menyelesaikan masalah berkaitan dengan pidato” (84.5%) manakala yang paling tinggi menjurus kepada “Saya lebih menghargai bahasa Melayu” (93.5%). Ada benarnya tanggapan mereka terhadap kemahiran berpidato iaitu setelah peserta mampu menangani masalah berkaitan dengan pidato barulah peserta menghargai bahasa yang digunakan mereka.

Hanya terdapat dua isu yang harus diambil perhatian berkenaan dengan kemahiran individu iaitu (a) “Saya dapat menyelesaikan masalah berkaitan dengan pidato” dan (b) “Saya dapat membantu peserta lain dalam berpidato”. Isu satu dan dua adalah berkaitan. Oleh itu penyelesaian masalah harus ditangani supaya peserta dapat membantu peserta-peserta yang lain dalam menangani masalah masing-masing. Keupayaan peserta-peserta untuk saling membantu boleh dianggap sebagai suatu nilai tambah kepada impak PABM.

Jadual 2 Keberkesanan Program PABM terhadap peserta dalam kemahiran individu

No.	Kemahiran Individu	Kesan PABM	Tahap Keberkesanan					M (SD)	%
			1	2	3	4	5		
1	Komunikasi	Saya dapat mempertingkatkan kemahiran komunikasi dalam Bahasa Melayu.			1 (3.2)	11 (35.5)	19 (61.3)	4.581 (0.564)	91.6
2	Penyelesaian Masalah	Saya dapat menyelesaikan masalah berkaitan dengan pidato.	1 (3.2)		2 (6.5)	16 (51.6)	12 (38.7)	4.226 (0.845)	84.5
3	Pengetahuan	Saya dapat memperluaskan kosa kata dalam Bahasa Melayu.			3 (9.7)	14 (45.2)	14 (45.2)	4.355 (0.661)	87.1
4	Interpersonal	Saya dapat bercakap dalam Bahasa Melayu.			2 (6.5)	13 (41.9)	16 (51.6)	4.452 (0.624)	89.0
5	Kerja Berkumpulan	Saya dapat bekerja dengan lebih baik dalam Bahasa Melayu dengan khalayak.			4 (12.9)	11 (35.5)	16 (51.6)	4.387 (0.715)	87.7
6	Kreativiti	Saya lebih kreatif dalam berpidato.			2 (6.5)	14 (45.2)	15 (48.4)	4.419 (0.620)	88.4
7	Bahasa	Saya lebih menghargai bahasa Melayu.			1 (3.2)	8 (25.8)	22 (71.0)	4.677 (0.541)	93.5
8	Budaya	Saya lebih memahami budaya Melayu.			3 (9.7)	9 (29.0)	19 (61.3)	4.516 (0.677)	90.3
No.	Kemahiran Individu	Kesan PABM	Tahap Keberkesanan					M (SD)	%
			1	2	3	4	5		
9	Kemahiran	Saya dapat membantu peserta lain dalam berpidato.	1 (3.2)		3 (9.7)	11 (35.5)	16 (51.6)	4.323 (0.909)	86.5
10	Teknik berpidato	Saya dapat mengawal perasaan gemuruh sewaktu berpidato.			2 (6.5)	12 (38.7)	17 (54.8)	4.484 (0.626)	89.7
	Keseluruhan Keberkesanan Program ($\alpha = .783$)							4.442	88.8

Skala: 1=sangat tidak berkesan (1%-20%), 2=tidak berkesan (21%-40%), 3=agak berkesan (41%-60%), 4=berkesan (61%-80%), 5=sangat berkesan (81%-100%)

IMPAK PROGRAM

Impak program diukur dari beberapa aspek; a) produktiviti individu, b) kemahiran individu c) peningkatan tugas dalam Bahasa Melayu, d) Kesan kepada negara peserta, dan e) kesan kepada negara Malaysia.

PRODUKTIVITI INDIVIDU

Pada keseluruhannya impak Program PABM terhadap individu yang terlibat adalah sungguh memuaskan sekali (Jadual 3). Ini adalah kerana kesemua penilaian adalah positif belaka dengan purata peratusan sebanyak 88.9%. Item yang paling rendah adalah “Saya dapat meningkatkan kemahiran berhujah dalam Bahasa Melayu” (85.8%) dan yang paling tinggi pula adalah “Saya dapat meningkatkan motivasi untuk berkomunikasi dalam Bahasa Melayu” (92.9%). Oleh itu, bolehlah dirumuskan bahawa impak PABM dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam BM adalah tinggi terhadap pesertanya.

Jadual 3 Impak Program PABM terhadap produktiviti individu

No.	Produktiviti individu	Tahap Keberkesanan					M (SD)	%
		1	2	3	4	5		
A	PABM dapat membuat...							
1	Prestasi saya berpidato dalam Bahasa Melayu meningkat.			2 (6.5)	16 (51.6)	13 (41.9)	4.355 (0.608)	87.1
2	Kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dengan khalayak meningkat.			2 (6.5)	14 (45.2)	15 (48.4)	4.419 (0.620)	88.4
3	Saya dapat meningkatkan kemahiran berhujah dalam Bahasa Melayu.			4 (12.9)	14 (45.2)	13 (41.9)	4.290 (0.693)	85.8
4	Saya dapat meningkatkan keyakinan berpidato dalam Bahasa Melayu.			1 (3.2)	13 (41.9)	17 (54.8)	4.516 (0.570)	90.3
5	Saya dapat menambah pengetahuan dalam mencari maklumat.			2 (6.5)	14 (45.2)	15 (48.4)	4.419 (0.620)	88.4
6	Saya dapat meningkatkan motivasi untuk berkomunikasi dalam Bahasa Melayu.				11 (35.5)	20 (64.5)	4.645 (0.486)	92.9
7	Saya dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik.			2 (6.5)	12 (38.7)	17 (54.8)	4.484 (0.626)	89.7
	Keseluruhan Impak Individu ($\alpha = .913$)						4.447	88.9

Skala: 1=sangat tidak berkesan (1%-20%), 2=tidak berkesan (21%-40%), 3=agak berkesan (41%-60%), 4=berkesan (61%-80%), 5=sangat berkesan (81%-100%)

KEMAHIRAN INDIVIDU

Boleh dikatakan bahawa impak PABM adalah besar terhadap kemahiran individu peserta-pesertanya. Perkara ini jelas kelihatan yang mana, tiada jawapan negatif diberikan tentangnya (Jadual 4). Purata peratusan adalah amat memberangsangkan sekali dengan nilai sebanyak 89.4%. Item yang paling rendah dalam kes ini adalah “Kemahiran menyelesaikan kelemahan dalam Bahasa Melayu meningkat” (87.7%). Namun, yang paling tinggi adalah “Saya dapat mempelajari pelbagai lenggok bahasa Melayu” (91.0%). Jumlah penilaian yang tinggi yang diberikan mereka melambangkan

keupayaan Bahasa Melayu itu sendiri sebagai bahasa antarabangsa. Ianya juga membuktikan PABM mampu meningkatkan kemahiran peserta untuk berkomunikasi dalam BM.

Jadual 4 Impak Program PABM terhadap kemahiran individu

No.	Kemahiran Individu	Tahap Keberkesanan (Bil. & %)					M (SD)	%
		1	2	3	4	5		
B	Setelah PABM...							
1	Kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Melayu meningkat.			1 (3.2)	14 (45.2)	16 (51.6)	4.484 (0.570)	89.7
2	Kemahiran menyelesaikan kelemahan dalam Bahasa Melayu meningkat.			3 (9.7)	13 (41.9)	15 (48.4)	4.387 (0.667)	87.7
3	Saya dapat bertutur dalam Bahasa Melayu dengan baik.			3 (9.7)	12 (38.7)	16 (51.6)	4.419 (0.672)	88.4
4	Saya lebih kreatif dalam menggunakan Bahasa Melayu sewaktu berpidato.			2 (6.5)	12 (38.7)	17 (54.8)	4.484 (0.626)	89.7
5	Saya dapat mempelajari pelbagai aspek bahasa Melayu.			1 (3.2)	14 (45.2)	16 (51.6)	4.484 (0.570)	89.7
6	Saya dapat mempelajari pelbagai lenggok bahasa Melayu.				14 (45.2)	17 (54.8)	4.548 (0.506)	91.0
	Keseluruhan Impak Kemahiran Individu ($\alpha = .890$)						4.468	89.4

Skala: 1=sangat tidak berkesan (1%-20%), 2=tidak berkesan (21%-40%), 3=agak berkesan (41%-60%), 4=berkesan (61%-80%), 5=sangat berkesan (81%-100%)

PENINGKATAN TUGASAN DALAM BAHASA MELAYU

Impak Program PABM masih besar dalam meningkatkan tugas dalam Bahasa Melayu (Jadual 5). Hal ini dijelaskan dengan purata peratusan yang tinggi (89.8%) dengan jarak peratusan antara 87.1% hingga 92.3%. Penilaian yang paling rendah adalah berkaitan “Meningkatkan keupayaan untuk berfikir dalam Bahasa Melayu” (87.1%). Besar kemungkinan mereka berfikir dalam bahasa ibunda mereka sendiri sebelum mengucapkannya dalam Bahasa Melayu. Yang paling tinggi pula adalah “Dapat meningkatkan keupayaan untuk membentuk jaringan persahabatan dalam Bahasa Melayu” (92.3%), diikuti dengan “Pengetahuan dalam Bahasa Melayu saya bertambah” (91.6%). Dengan ini bolehlah dikatakan bahawa perkembangan Bahasa Melayu adalah cerah dalam kalangan peserta Program PABM.

Namun terdapat seorang peserta yang tidak berpuas hati terhadap impak Program PABM dalam meningkatkan tugas dalam Bahasa Melayunya iaitu dalam “Kemahiran menggunakan teknologi dalam pembelajaran Bahasa Melayu meningkat”. Hal ini mungkin adalah masalah terpendek yang hanya dapat diperbaiki oleh individu itu sendiri.

Jadual 5 Impak Program PABM terhadap peningkatan tugas dalam Bahasa Melayu

No.	Peningkatan Tugas dalam Bahasa Melayu	Tahap Keberkesanan					M (SD)	%
		1	2	3	4	5		
C	Saya dapat...							
1	Pengetahuan dalam Bahasa Melayu saya bertambah.			3 (9.7)	7 (22.6)	21 (67.7)	4.581 (0.672)	91.6
2	Kemahiran menggunakan teknologi dalam pembelajaran Bahasa Melayu meningkat.	1 (3.2)		2 (6.5)	9 (29.0)	19 (61.3)	4.452 (0.888)	89.0
3	Saya dapat menyesuaikan diri terhadap Bahasa Melayu.			1 (3.2)	15 (48.4)	15 (48.4)	4.452 (0.568)	89.0
4	Meningkatkan keupayaan untuk berfikir dalam Bahasa Melayu.			4 (12.9)	12 (38.7)	15 (48.4)	4.355 (0.709)	87.1
5	Dapat meningkatkan keupayaan untuk membentuk jaringan persahabatan dalam Bahasa Melayu.			2 (6.5)	8 (25.8)	21 (67.7)	4.613 (0.615)	92.3
	Keseluruhan Peningkatan Tugas dalam Bahasa Melayu ($\alpha = .836$)						4.491	89.8

Skala: 1=sangat tidak berkesan (1%-20%), 2=tidak berkesan (21%-40%), 3=agak berkesan (41%-60%), 4=berkesan (61%-80%), 5=sangat berkesan (81%-100%)

KESAN KEPADA NEGARA SENDIRI

Jadual 6 menunjukkan dapatan terhadap impak PABM yang dapat memberikan kesan kepada negara sendiri. Hasil kajian mendapati bahawa kesan PABM terhadap negara mereka adalah berkesan pada keseluruhannya (80.0%). Peratusan yang paling rendah sekali adalah (65.8%) . Ini adalah kerana mereka tidak mendapat sokongan yang sewajarnya daripada pihak kedutaan negara masing-masing dalam hal ini. Yang paling tinggi adalah “Saya berkongsi pengalaman di Malaysia bersama keluarga, saudara dan rakan di Negara saya” (88.4%) untu “Saya mendapat bantuan dan sokongan yang sewajarnya dari kedutaan saya”. Mereka berkongsi kebanggaan dan pengalaman mereka dengan keluarga, saudara dan rakan di negara mereka terutamanya mereka yang berjaya menempuh kejayaan. Namun tidak semua akan mendapat kejayaan yang diharapkan. Ini menunjukkan semakin banyak perkara positif yang dialami oleh peserta semakin tinggi tahap kepuasan mereka terhadap sesuatu perkara.ⁱⁱⁱ

Setiap kesan yang diutarakan mendapat penilaian yang negatif seperti berikut: (a) “Penganjuran PABM memartabatkan aktiviti berpidato dalam Bahasa Melayu di Negara saya”, (b) “PABM memartabatkan Bahasa Melayu di Negara saya”, (c) “PABM memperkenalkan Malaysia di Negara saya”, (d) “Saya berkongsi pengalaman di Malaysia bersama keluarga, saudara dan rakan di Negara saya”, (e) “Saya mampu mengajar Bahasa Melayu kepada keluarga, saudara dan rakan di Negara saya”, (f) “Saya mendapat bantuan dan sokongan yang sewajarnya dari kedutaan saya”, dan (g) “Saya mendapat sokongan dan bantuan yang sewajarnya dari universiti saya”. Oleh itu, penganjur sebaiknya memikirkan tindakan susulan yang bersesuaian agar impak PABM yang positif kepada peserta dapat dipanjangkan juga kepada negara peserta. Sewajarnya program yang baik seperti PABM disokong oleh program-program yang dapat memastikan kesinambungan usaha memartabatkan BM kepada negara luar.

Jadual 6 Impak Program PABM yang memberikan kesan kepada negara sendiri

Bahagian	Kesan kepada Negara sendiri	Tahap Keberkesanan					M (SD)	%
		1	2	3	4	5		
A								
1	Penganjuran PABM memartabatkan aktiviti berpidato dalam Bahasa Melayu di Negara saya.	2 (6.5)	2 (6.5)	1 (3.2)	13 (41.9)	13 (41.9)	4.065 (1.153)	81.3
2	PABM memartabatkan Bahasa Melayu di Negara saya.	2 (6.5)	2 (6.5)	5 (16.1)	10 (32.3)	12 (38.7)	3.903 (1.193)	78.1
3	PABM memperkenalkan Malaysia di Negara saya.	1 (3.2)	1 (3.2)	7 (22.6)	10 (32.3)	12 (38.7)	4.000 (1.033)	80.0
4	Saya berkongsi pengalaman di Malaysia bersama keluarga, saudara dan rakan di Negara saya.		1 (3.2)	2 (6.5)	11 (35.5)	17 (54.8)	4.419 (0.765)	88.4
5	Saya mampu mengajar Bahasa Melayu kepada keluarga, saudara dan rakan di Negara saya.		1 (3.2)	6 (19.4)	13 (41.9)	11 (35.5)	4.097 (0.831)	81.9
6	Saya mendapat bantuan dan sokongan yang sewajarnya dari kedutaan saya.	7 (22.6)	2 (6.5)	6 (19.4)	7 (22.6)	9 (29.0)	3.290 (1.531)	65.8
7	Saya mendapat sokongan dan bantuan yang sewajarnya dari universiti saya.	1 (3.2)		5 (16.1)	10 (32.3)	15 (48.4)	4.226 (0.956)	84.5
	Keseluruhan Kesan terhadap Negara Sendiri ($\alpha = .739$)						4.000	80.0

Skala: 1=sangat tidak berkesan (1%-20%), 2=tidak berkesan (21%-40%), 3=agak berkesan (41%-60%), 4=berkesan (61%-80%), 5=sangat berkesan (81%-100%)

KESAN KEPADA NEGARA MALAYSIA

Pada pandangan peserta impak PABM terhadap negara Malaysia begitu ketara sekali (Jadual 7). Ini adalah berdasarkan dapatan yang memberikan peratusan purata yang amat tinggi (92.1%) dengan jangkauan antara 87.7% hingga 94.9%. Di samping itu, tiada seorang pun yang memberikan tanggapan yang negatif mengenainya. Demi kelangsungan dan kebaikan terhadap negara Malaysia, sayugia sekiranya Program PABM diteruskan demi masa hadapan negara dengan mengambil kira isu yang diketengahkan terdahulu. Rata-rata peserta mempunyai pandangan yang positif dan tinggi terhadap negara Malaysia. Pandangan ini jika mereka kongsi dengan sahabat dan keluarga di negara mereka merupakan satu promosi buat Malaysia.

Jadual 7 Impak PABM dalam memberikan kesan terhadap Negara Malaysia

Bahagian		Kesan kepada Negara Malaysia	Tahap Keberkesanan					M (SD)	%
			1	2	3	4	5		
1		Bahasa Melayu menyatu padukan masyarakat berbilang bangsa di Malaysia.			1 (3.2)	13 (41.9)	17 (54.8)	4.516 (0.570)	90.3
2		Bahasa Melayu dapat menstabilkan politik melalui persefahaman bahasa kebangsaan.			3 (9.7)	13 (41.9)	15 (48.4)	4.387 (0.667)	87.7
3		Malaysia kaya dengan warisan budaya.				10 (32.3)	21 (67.7)	4.677 (0.475)	93.5
4		Bahasa Melayu dapat digunakan dalam urusan perniagaan.			2 (6.5)	5 (16.1)	24 (77.4)	4.710 (0.588)	94.2
5		Kepelbagaian bangsa, bahasa, budaya dan agama menjadikan Malaysia Negara yang unik.			1 (3.2)	6 (19.4)	24 (77.4)	4.742 (0.514)	94.8
		Keseluruhan Kesan Kepada Negara Malaysia ($\alpha = .760$)						4.606	92.1

Skala: 1=sangat tidak berkesan (1%-20%), 2=tidak berkesan (21%-40%), 3=agak berkesan (41%-60%), 4=berkesan (61%-80%), 5=sangat berkesan (81%-100%)

PENUTUP

Kesemua peserta bersetuju bahawa PABM adalah sebuah wahana yang mampu memartabat Bahasa Melayu di persada antarabangsa.^{iv} Mereka berharap PABM akan diteruskan pada masa yang akan datang. Pada keseluruhannya kebanyakan peserta berpuas hati dengan penganjuran program. Yang lebih membanggakan lagi PABM juga memberikan impak yang tinggi terhadap bahasa kebangsaan kita iaitu Bahasa Melayu. Kajian membuktikan walaupun program ini mempunyai sedikit kelemahan, namun kesemua kelemahan tersebut adalah kelemahan-kelemahan biasa yang boleh ditambahbaik. Penambahbaikan pasti akan dapat memuaskan hati mereka yang terlibat pada masa akan datang.^v Penyelidik yakin sekiranya kelemahan-kelemahan tersebut ditambah baik pada PABM akan datang, impak program bukan sahaja kepada peserta tetapi juga kepada negara akan dapat dipertingkatkan. Tuntasnya PABM adalah sebuah program bertaraf antarabangsa yang berbaloi untuk dianjurkan setiap tahun dan wajar diteruskan oleh kementerian demi memartabat Bahasa Melayu di persada antarabangsa. Namun usaha dalam memartabatkan Bahasa Melayu yang dilakukan oleh PABM ini

sewajarnya disambut dengan pelbagai program-program lain yang akan meningkat dan mempromosikan lagi Bahasa Melayu di persada antarabangsa. Kerajaan Malaysia sewajarnya bersedia untuk memperbanyakkan lagi program memartabat Bahasa Melayu. Sebagai rakyat Malaysia kita seharusnya merasa bangga dengan kejayaan PABM dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat antarabangsa. PABM seharusnya menjadi pemangkin dalam membakar semangat cintakan negara dan bahasa kebangsaan dalam kalangan rakyat Malaysia. Adalah sesuatu yang merugikan jika Bahasa kebangsaan hanya menjadi bahasa penuturan di peringkat antarabangsa tetapi kurang mendapat sambutan dalam kalangan rakyat Malaysia sendiri. Kita seharusnya menjadikan Bahasa Melayu sebagai suatu wahana dalam memupuk dan mengukuhkan jatidiri anak bangsa terhadap negara yang kita cintai.

PENGHARGAAN

Pembentang ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas sumbangan pembiayaan penyelidikan dan juga kepada penyelidik-penyelidik lain: Prof. Madya Dr. Afandi Salleh, Prof. Madya Dr. Zaid Omar, Cik Noorarizawaty Aris dan Pn Norulazmawati Ismail atas sumbangan buah fikiran dan tenaga.

Nota Hujung

ⁱ Selamat, J., Ismail. K., Ahmad. S., & Rahim. M. H. (2012). *Pengucapan Awam Strategi dan Kemahiran*. Selangor: Niagariang Sdn. Bhd.

ⁱⁱ Dora, Y. M. (2017). Analysis effect of service quality, educational facilities, and method of learning, student satisfaction and loyalty to students - studies in the University of Widyatama Bandung. *European Journal of Social Sciences Education and Research*, 4(3), 16-27.

ⁱⁱⁱ Sirgy, M. J., Kruger, P. S., Lee, D. J., & Yu, G. B. (2011). How does a travel trip affect tourists' life satisfaction?. *Journal of Travel Research*, 50(3), 261-275.

^{iv} Kajian Penilaian Terhadap Kepuasan, Keberkesanan dan Impak Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri 2018 Terhadap Peserta & Negara.

^v Lupiyoadi, H. (2011). *Manajemen Pemasaran Jasa*. Retrieved from <http://repository.uin-suska.ac.id/4029/9/em.pdf>

RUJUKAN

Dora, Y. M. (2017). Analysis effect of service quality, educational facilities, and method of learning, student satisfaction and loyalty to students - studies in the University of Widyatama Bandung. *European Journal of Social Sciences Education and Research*, 4(3), 16-27.

Lupiyoadi, H. (2011). *Manajemen Pemasaran Jasa*. Retrieved from <http://repository.uin-suska.ac.id/4029/9/em.pdf>

Kajian Penilaian Terhadap Kepuasan, Keberkesanan dan Impak Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri (2018) Terhadap Peserta & Negara.

Selamat, J., Ismail. K., Ahmad. S., & Rahim. M. H. (2012). *Pengucapan Awam Strategi dan Kemahiran*. Selangor: Niagariang Sdn Bhd.

Sirgy, M. J., Kruger, P. S., Lee, D. J., & Yu, G. B. (2011). How does a travel trip affect tourists' life satisfaction?. *Journal of Travel Research*, 50(3), 261-275.